

16 SEP 2002

Mahathir-Pembangkang/I

BELANJAWAN ALTERNATIF PEMBANGKANG SATU JENAKA, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 16 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata belanjawan alternatif yang ingin dibentangkan oleh pihak pembangkang sebelum Belanjawan Negara 2003/2004 di Dewan Rakyat pada Jumaat merupakan satu jenaka.

"Ia satu jenaka. Ia satu jenaka kerana mereka (pihak pembangkang) tidak tahu berapa banyak wang yang kita ada dan mereka mahu membuat (membentangkan) belanjawan. Apa yang mereka tahu ialah bagaimana untuk membelanjakan wang dan menjadi popular," kata Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, kepada pemberita selepas menghadiri upacara perhimpunan bulanan Perbendaharaan dan merasmikan bangunannya di pusat pentadbiran persekutuan yang baru di sini.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menyampaikan anugerah khidmat cemerlang kepada kakitangan Perbendaharaan.

Perdana Menteri berkata sekiranya beliau mahu membelanjakan wang kerajaan dan menjadi popular, beliau juga boleh mengikut langkah pembangkang, yang berhasrat membentangkan belanjawan alternatif itu menjelang Jumaat di Dewan Rakyat.

Barisan pembangkang yang terdiri daripada PAS, Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia, mengumumkan pada minggu lepas bahawa mereka akan membentangkan belanjawan berasingan sebagai bantahan kepada Belanjawan Negara yang dijadual akan dibentangkan oleh Dr Mahathir.

"Saya juga boleh buat begitu tetapi saya perlu bertanggungjawab. Mereka (pembangkang) tidak bertanggungjawab dalam mengutip dan mentadbirkan wang terbabit," katanya.

Dr Mahathir berkata hasrat pembangkang yang diketuai PAS untuk membentangkan belanjawan alternatif itu adalah kerana mereka mempunyai motif politik.

"Belanjawan mereka sudah pasti merupakan belanjawan politik, untuk menunjukkan betapa baiknya mereka dan kenapa rakyat patut menyokong mereka...mereka tidak tahu (berapa banyak) wang yang kita ada," katanya.

-- BERNAMA

SR MFJ RM RHM